

# Pengurusan Risiko Cukai

Bersama  
**SALIHIN ABANG**  
 CA (M), CFP, ATIL, B.ACC (IIUM)  
 Asna Tax Services Sdn Bhd  
 www.salihin.com.my



**S**EJAK pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) melaksanakan Sistem Taksir Sendiri (STS) pada tahun 2000, risiko cukai perlu diberi perhatian yang serius oleh semua pihak samaada syarikat atau individu. Ini kerana semasa audit cukai atau penyiasatan cukai dijalankan oleh pihak LHDN, terdapat banyak kes di mana berlaku kesilapan dan kesalahan dalam transaksi sistem perakaunan. Kesalahan dan kesilapan ini boleh mengundang tambahan cukai kena bayar serta penalti dan denda dikenakan oleh LHDN sekali gus akan meningkatkan kos kepada syarikat dan individu. Untuk mengurangkan risiko tersebut, syarikat atau individu perlu melihat kepada pengurusan risiko cukai yang teratur dan sempurna.

## RISIKO CUKAI

Risiko adalah sesuatu peristiwa atau perkara yang boleh mengganggu gugat ke arah mencapai sesuatu objektif atau matlamat. Bagi kes percukaian, cukai kena bayar dan denda boleh menyebabkan aliran tunai, fokus dalam perniagaan dan sebagainya akan membantutkan usaha untuk memperolehi keuntungan. Oleh itu, semua pihak perlu memainkan peranan penting untuk menangani isu ini. Antara perkara-perkara yang berkaitan dengan risiko cukai ini adalah :



• Hari Bertemu Pelanggan boleh membantu menangani isu risiko cukai - Gambar Hiasan

- a) Pematuhan – Perundangan dan peraturan cukai, ketetapan umum.
- b) Pelarasan akhir tahun.
- c) Kurang pendedahan berkaitan percukaian.
- d) Komunikasi yang efektif atau tidak.
- e) Kurang pengetahuan dalam percukaian.
- f) Dokumen yang tidak mencukupi.
- g) Audit cukai / siasatan cukai.

## KESAN TIDAK MEMATUHI PERUNDANGAN PERCUKAIAN

Sekiranya perundangan percukaian tidak dipatuhi, ia boleh mendatangkan kesan secara langsung atau tidak langsung kepada sesebuah organisasi. Antaranya :

### a) Kesan langsung kepada sesebuah organisasi

Sesebuah organisasi akan menghadapi beberapa kesan secara langsung akibat tidak mematuhi perundangan percukaian. Ini termasuklah memberikan kesan kepada penambahan cukai kena bayar, aliran tunai, pekerja dan pengurusan.

#### i) *Tambahan cukai kena bayar*

Kesilapan dan kesalahan transaksi boleh mengundang kepada penambahan cukai kena bayar. Ini kerana semasa audit cukai dijalankan, jika terdapat pendapatan yang terkurang lapor atau perbelanjaan yang terlebih lapor dikesan, ia akan dikira sebagai tambahan kepada cukai kena bayar. Tambahan cukai kena bayar ini pula akan dikenakan penalti sekurang-kurangnya 45 peratus. Ini akan membebankan sesebuah syarikat untuk menjelaskan cukai tersebut di samping menjelaskan cukai yang sedia ada.

#### ii) *Aliran tunai terjejas*

Pihak syarikat akan mengalami masalah aliran tunai kerana terpaksa menjelaskan cukai tambahan, cukai semasa serta perbelanjaan operasi syarikat dalam satu masa. Ini sedikit sebanyak akan menggugat operasi syarikat.

#### iii) *Pekerja*

Sekiranya perundangan percukaian tidak dipatuhi oleh organisasi, pekerja yang terlibat dalam perakaunan

akan menghadapi masalah semasa audit cukai / penyiasatan cukai dijalankan. Ini kerana masa yang diperlukan untuk menyelesaikan kes akan mengambil masa kira-kira tiga hingga enam bulan. Ini akan menyebabkan penambahan kerja dan boleh mengurangkan produktiviti dan moral pekerja tersebut.

iv) *Pengurusan*

Bagi pihak pengurusan pula, tumpuan untuk menguruskan operasi dan rutin harian akan terganggu kerana mereka juga perlu memperuntukan masa untuk menyelesaikan kes berkaitan audit cukai / penyiasatan cukai.

b) **Kesan tidak langsung kepada organisasi**

Sesebuah organisasi juga akan menerima kesan secara tidak langsung akibat perundangan percukaian yang tidak dipatuhi. Antaranya :

i) *Kesan kepada imej organisasi*

Imej organisasi juga mungkin akan turut terjejas sekiranya perundangan percukaian tidak dipatuhi. Ini berlaku sekiranya kedatangan pihak LHDN untuk membuat pemeriksaan telah disalahtafsirkan oleh orang sekeliling, ditambah pula dengan penyiaran berita dan liputan media massa. Ini kerana persepsi masyarakat akan bertukar negatif sekiranya pihak LHDN agak agresif semasa membuat audit cukai / siasatan cukai di premis perniagaan sesebuah organisasi secara beramai-ramai.

ii) *Pelabur / pemegang saham*

Para pelabur / pemegang saham juga akan kurang berkeyakinan terhadap organisasi tersebut sekiranya imej telah terjejas akibat berita pelarian cukai yang tersebar. Ini akan membantutkan lagi matlamat syarikat untuk berkembang maju.

iii) *Pembekal / Pemiutang*

Persepsi negatif para pembekal / pemiutang juga sedikit sebanyak boleh memberi kesan secara tidak langsung kepada syarikat. Para pembekal / pemiutang akan merasakan kurang kepercayaan kepada syarikat yang tidak mematuhi perundangan percukaian kerana bimbang mereka akan turut terlibat dalam kes yang dilakukan oleh syarikat tersebut.

## MENGURUSKAN RISIKO CUKAI

Setelah membincangkan apa itu risiko cukai dan kesannya, dapat disimpulkan beberapa kaedah perlu diambil untuk menguruskannya. Antara kaedah yang proaktif untuk menguruskan risiko cukai adalah seperti berikut :

a) **Menambah pengetahuan mengenai percukaian**

Semua pihak samaada syarikat atau individu perlu mengambil inisiatif sendiri untuk menambah pengetahuan berkaitan perundangan percukaian. Antara inisiatif yang boleh diambil adalah mengikuti kursus atau seminar percukaian yang diadakan oleh LHDN atau badan-badan profesional. Selain itu, terdapat banyak portal dan laman web mengenai percukaian di Malaysia yang boleh dilayari seperti laman web LHDN ([www.hasil.org.my](http://www.hasil.org.my)).

b) **Hapuskan sikap berani membuat perjudian**

Rata-rata didapati terdapat ramai pembayar cukai yang ingin melarikan cukai dan berani membuat perjudian untuk menyembunyikan pendapatan dengan harapan pihak LHDN tidak menyedarinya. Namun begitu, sikap ini akan membawa padah kepada mereka kerana dengan sistem yang ada pada LHDN, perkara ini mungkin akan dapat dikesan. Sekiranya terdapat pendapatan terkurang lapor atau perbelanjaan terlebih dituntut, ini akan mengundang penambahan cukai kepada syarikat. Tambahan cukai ini pula akan dikenakan penalti sekurang-kurangnya 45 peratus.

c) **Rangka kerja pengurusan risiko cukai**

Para pembayar cukai juga perlu merangka satu rangka kerja pengurusan risiko cukai yang komprehensif bagi mengelakkan kerugian yang lebih besar akibat tidak mematuhi perundangan percukaian. Penyimpanan rekod perniagaan juga amat penting untuk rujukan syarikat pada masa akan datang. Ini akan memudahkan urusan sekiranya dokumen tersebut diperlukan jika terdapat audit cukai / penyiasatan cukai kelak. Ini perlulah dilaksanakan oleh semua warga kerja sesebuah organisasi untuk menjayakan matlamat yang telah ditetapkan. **US**



• Organisasi yang tidak mematuhi perundangan cukai, pekerja yang terlibat dalam perakaunan akan menghadapi masalah semasa audit cukai - Gambar Hiasan